

23 MAR 2003

Mahathir-F1/I

MALAYSIA TEMPAT YANG SELAMAT, KATA DR M

SEPANG, 23 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejayaan dalam menganjurkan perlumbaan Formula One (F1) Grand Prix Petronas Malaysia 2003 hari ini di Litar F1 Sepang, di sini menunjukkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang sangat selamat.

Berlatar belakangkan serangan Amerika Syarikat dan sekutu terhadap Iraq memasuki hari ketiga hari ini, Perdana Menteri berkata beliau lega dan gembira yang walaupun nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh beberapa negara menyatakan Malaysia tidak selamat, ramai warga Eropah berada di sini untuk menyaksikan perlumbaan itu dan mereka semuanya selamat.

"Ia perlumbaan tanpa apa-apa kejadian yang tidak dingini dan orang ramai dapat menilai sendiri bahawa adalah selamat untuk datang ke Malaysia, untuk turut serta dalam perhimpunan yang besar. Lebih daripada seratus ribu orang berada di situ dan tiada kejadian yang tidak dingini," kata beliau kepada pemberita di akhir perlumbaan itu.

Sebelum itu Dr Mahathir menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemandu McLaren's Kimi Raikkonen yang memenangi perlumbaan itu.

Beliau berkata jika benar ada pengganas di Malaysia tentulah mereka akan mengambil peluang terhadap kumpulan besar orang yang berkumpul seperti semasa perlumbaan F1.

Ditanya mengenai mereka yang membatalkan hasrat untuk menyaksikan perlumbaan itu telah tersilap dalam keputusan mereka, katanya: "Saya diberitahu ada yang membatalkan..malanglah..malanglah bagi mereka."

Mengenai soal bantahan anti perang di seluruh dunia yang turut dapat dilihat di sini apabila pasukan Minardi Cosworth dari Eropah menampal pelekat "Malaysian for Peace" di kereta-kereta lumba mereka', Dr Mahathir berkata ia bagus kerana Malaysia juga berhasrat untuk melihat dunia yang aman.

"Kita hendak dunia ini aman supaya perlumbaan yang semacam ini menarik pelancong dari seluruh dunia dan apabila mereka datang ke sini mereka dapat bertemu sesama sendiri dan menjalin hubungan yang baik, jauh lebih baik daripada mengadakan peperangan, membunuh dan sebagainya."

Beliau juga berkata langkah pasukan itu adalah bijak walaupun pemandu mereka adalah warga Britain atau Australia, yang terbabit dalam serangan terhadap Iraq yang diketuai oleh Amerika.

Menyatakan rasa puas hati beliau dengan penganjuran perlumbaan itu Dr Mahathir juga memuji peraturan baru yang diperkenalkan oleh Persekutuan Automobil Antarabangsa (FIA) yang meningkatkan lagi keghairahan di perlumbaan 56 pusingan itu.

Dr Mahathir yang juga ditanya mengenai pencapaian negara dalam sukan bermotor berkata, rakyat perlu berminat dengan sukan lumba kereta kerana ia mempunyai kaitan dengan kebolehan kejuruteraan kereta.

Beliau berkata daripada kejuruteraan enjin kereta lumba, mereka kemudiannya akan lebih memahami berkenaan pembuatan enjin kereta biasa.

"Tujuan kita bukan sahaja untuk adakan perlumbaan ..tujuan kita sudah tentu untuk menarik lebih banyak pelancong ke Malaysia tetapi tujuan kita juga dengan ada perlumbaan ini maka kita akan didedahkan kepada teknologi kejuruteraan perlumbaan," katanya.

Ditanya mengenai pasukan yang diminatinya, Perdana Menteri berkata ianya tentulah Sauber Petronas.

Beliau berharap pasuakn Petronas akan terus meningkatkan prestasinya dengan peredaran masa.

Pemandu Sauber Petronas, Nick Heidfeld dan Heinz Harald Frentzen masing-masing menamatkan perlumbaan di tempat kelapan dan sembilan dalam perlumbaan hari ini.

Dr Mahathir yang turut ditanya sama ada beliau akan terus setia menyaksikan perlumbaan F1 yang diilhamkannya untuk diadakan di Malaysia, berkata beliau akan terus menyaksikan perlumbaan itu bila ada kelapangan waktu.

Ditanya apakah saat-saat paling menggembirakan bagi beliau dalam perlumbaan F1 sejak ia diadakan pada 1999, Dr Mahathir berkata tahun pertama ia diadakan sangat bermakna kerana Malaysia berjaya menganjurkan perlumbaan itu dengan peminat datang menyaksikan perlumbaan itu.

Beliau berkata sesebuah negara memerlukan hampir 30,000 penonton di tempat sendiri untuk menganjurkan perlumbaan yang baik yang disaksikan oleh 350 juta orang di seluruh dunia.

"Jadi keupayaan kita untuk mengadakan perlumbaan ini dengan disaksikan oleh 350 juta orang bermakna Malaysia akan menjadi negara yang terkenal dan menjadi destinasi menarik bagi pelancong," katanya.

Rekod Litar F1 Sepang sebelum ini mencatatkan kehadiran 80,000 penonton pada tahun pertama Malaysia menjadi tuan rumah iaitu pada 1999, 88,000 (2000), 75,000 (2001) dan 92,500 tahun lepas.

-- BERNAMA

HS MAS NM PR